

Ismail Sabri beri keterangan 5 jam

PETALING JAYA: Keterangan seorang lagi pemimpin tertinggi kerajaan akan dipanggil Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam masa terdekat bagi membantu siasatan berhubung penggunaan wang RM700 juta bagi tujuan publisiti kerajaan dalam tempoh 2020 hingga 2022.

SPRM melakukan siasatan itu selepas agensi itu selesai mengambil keterangan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob semalam.

SPRM juga sudah merakam keterangan pembantu kepada Ahli Parlimen Bera yang mempunyai hubung kait dengan beliau sebelum ini dalam pemberian projek. Difahamkan SPRM akan mengambil keterangan pembantu kepada Ismail sekali



ISMAIL SABRI YAAKOB

lagi selepas ini. Turut akan dipanggil selepas ini suami kepada pembantu Ismail Sabri.

Keterangan Ismail Sabri diambil keterangan bagi membantu siasatan berhubung pemberian projek kepada individu

tertentu termasuk melaksanakan dua program di bawah pentadbirannya sebelum ini.

Proses mengambil keterangan Ismail Sabri berlangsung hampir 5 jam dari pukul 10 pagi sehingga pukul 4.45 petang.

Keterangan Ahli Parlimen Bera itu diambil bagi siasatan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA) 2001 dan Akta SPRM 2009.

Utusan Malaysia difahamkan, keterangan diambil SPRM semalam juga bagi menjelaskan mengenai penggunaan sejumlah wang bagi tujuan publisiti kerajaan ketika pentadbiran beliau dari 2020 hingga 2022.

Selepas Ismail Sabri, SPRM

juga akan memanggil seorang lagi bekas pemimpin tertinggi kerajaan dalam masa terdekat.

Siasatan SPRM terhadap Ismail di bawah AMLATFPUAA adalah bagi mengesan transaksi-transaksi kewangan meragukan yang disalurkan kepada individu tertentu.

Utusan Malaysia difahamkan, SPRM juga akan melihat sekiranya terdapat kesalahan rasuah, pecah amanah dalam penggunaan dana bagi tujuan publisiti itu.

Selain itu, SPRM akan memfokuskan kekayaan dimilikinya termasuk ahli keluarganya.

Kelmarin, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki mengesahkan pihaknya akan memanggil seorang bekas Perdana Menteri minggu ini.